

27/06/2002

Penganalisis setuju pilihan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Penganalisis menganggap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah pilihan paling tepat bagi menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memimpin parti dan kerajaan.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC) yang juga penganalisis politik, Abdul Razak Baginda, berkata formula peralihan kuasa dalam Umno pasti akan memantapkan lagi perpaduan parti dan menjamin kestabilan.

Katanya, Pak Lah adalah pilihan sesuai kerana beliau cukup berpengalaman dan mampu mengambil alih pucuk kepemimpinan negara.

"Saya percaya Pak Lah mampu meneruskan kesinambungan kepemimpinan negara dengan ada pasukan yang baik bersama beliau. Kita tidak boleh mempersoalkan dari segi pengalaman kerana semua Perdana Menteri sebelum ini pun tidak pernah ada pengalaman menjawat jawatan itu.

"Saya juga percaya Pak Lah akan meneruskan dasar Dr Mahathir yang diiktiraf bukan saja di dalam, malah di luar negara," katanya ketika dihubungi.

Pensyarah Sains Politik Pusat Pengajian Sejarah Politik dan Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohammad Agus Yusoff, berkata formula peralihan kuasa dalam Umno itu sangat baik dan beliau sendiri berpuas hati dengan pakej berkenaan.

"Cuma ia mengambil masa terlalu lama iaitu 15 bulan, sedangkan apa yang dipanggil proses peralihan kuasa atau kerajaan selalunya mengambil masa hanya tiga bulan.

"Tempoh 15 bulan itu terlalu lama untuk dipanggil peralihan kuasa kerana pelbagai kemungkinan boleh berlaku dalam tempoh berkenaan. Di sini nampak ada sedikit kekaburan dari segi konsep peralihan kuasa," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, pakej peralihan kuasa yang diumumkan itu turut menawarkan banyak kebaikan, termasuk menampakkan perpaduan dalam Umno.

Katanya, ia juga menyediakan peralihan kuasa yang lancar, supaya tidak berlaku perebutan kuasa, selain menggambarkan Umno masih menghormati struktur parti untuk menentukan pemimpin.

Dr Mohammad berkata, sedikit kegusaran beliau ialah tempoh peralihan yang terlalu lama seolah-olah menggambarkan Umno tidak ada barisan pelapis, pada hal ramai barisan pelapis dalam Umno.

"Ia juga mungkin memberi kesan kepada politik dalaman, negara dan serantau, kerana banyak lagi isu seperti isu dengan Singapura dan perbicaraan kes isu Pulau Sipadan dan Ligitan, masih belum selesai.

"Ketidakpastian dan ketidaktentuan juga boleh memberi kesan kepada ekonomi yang belum pulih sepenuhnya dan saham sudah pun mulai jatuh. Apa pun, Pak Lah adalah seorang pemimpin yang setia kepada pucuk pimpinan dan parti. Beliau pasti akan meneruskan kesinambungan dasar Dr Mahathir," katanya.

(END)